

# Panel logistik MRT, PETRONAS Carigali

**Shah Alam:** Konsortium Logistik Bhd (KLB) dilantik menjadi panel penyedia perkhidmatan logistik bagi Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

Pelantikan itu dibuat menerusi anak syarikat milik penuhnya, Malaysia Shipping Agencies Sdn Bhd (MSA).

Syarikat itu berkata, pemilihan itu adalah perkembangan baik bagi kumpulan itu kerana ia boleh memanfaatkan pengalaman dan kepakarannya dalam menyediakan perkhidmatan logistik bagi projek MRT dan kepada sektor minyak dan gas.

Pelantikan oleh MRT Corp yang berkuat kuasa pada 1 Ogos lalu, katanya adalah bagi tempoh dua tahun dengan pilihan pembaharuan semula selepas tamat tempoh.

KLB akan berpeluang menyediakan kepakaran logistik kepada pemilik projek dan vendornya yang menyediakan perkhidmatan kepada projek MRT membabitkan pembinaan laluan 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang.

Pelantikan MSA menyertai panel Petronas akan menyaksikan ia mengendalikan penghantaran material dan kelengkapan dari pelbagai tempat di dunia ke tapak fabrikasi di seluruh Malaysia. **BERNAMA**